



PRAKATA

INSTUN mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Baharuddin bin Md Yusof, Pensyarah di Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN yang telah menggubal soalan beserta jawapan bagi buku panduan SOAL JAWAB AKTA PENGAMBILAN TANAH (APT) 1960.

Penerbitan buku soal jawab ini sebagai langkah INSTUN dalam menambah bilangan koleksi bahan bacaan dan rujukan ilmiah berkaitan bidang penadbiran dan perundangan tanah.

Penulis buku ini merupakan seorang Pensyarah yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Ini adalah merupakan kajian / penyelidikan / penulisan awal beliau dan patut dicontohi oleh Pensyarah lain di INSTUN.

Justeru, adalah menjadi harapan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk menjadikan penerbitan buku soal jawab APT 1960 sebagai landasan ke arah menanam minat menulis, membuat kajian dan penyelidikan dikalangan warga INSTUN.

SOAL JAWAB AKTA PENGAMBILAN TANAH (APT) 1960

Baharuddin Bin Md Yusof
 Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah
 Institut Tanah dan Ukur Negara

1. Soalan : Apakah tujuan Akta Pengambilan Tanah (APT) digubal?

Jawapan : APT membolehkan pengambilan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tujuan pembangunan dengan syarat dibayar ganti rugi kepada orang berkepentingan dalam bentuk pampasan yang munasabah.

2. Soalan : Siapakah yang boleh membuat permohonan mengambil tanah di bawah APT 1960?

Jawapan : Siapa sahaja termasuk orang perseorangan yang memenuhi syarat-syarat tarulamanya dari segi kewangan. 1 3(1)(a)(b)(c)

3. Soalan : Siapakah yang akan meluluskan permohonan pengambilan tanah dari pemohon?

Jawapan : Pihak Berkuasa Negeri (Raja / Gabenor: MMKN / MB) bergantung kepada negeri-negeri tertentu S3(1)

4. Soalan : Apakah tujuan-tujuan pengambilan tanah?

Jawapan : Ada tiga tujuan:

- i. Di bawah seksyen 3(1)(a) - bagi maksud awam
- ii. Di bawah seksyen 3(1)(b) - bagi maksud kemajuan ekonomi Malaysia.
- iii. Di bawah seksyen 3(1)(c) - bagi maksud kediaman, pertanian, perdagangan, industri atau rekreasi.